MUHD YUSUF BUKHARI A

lwn.

PP

MAHKAMAH RAYUAN, PUTRAJAYA B
SYED AHMAD HELMY HMR
MOHAMED APANDI ALI HMR
BALIA YUSOF WAHI HMR
[RAYUAN JENAYAH NO: J-05-51-2010]
27 JULAI 2012 C

PROSEDUR JENAYAH: *Hukuman - Rayuan - Rayuan terhadap sabitan dan hukuman - Milikan - Sama ada dibuktikan - Sama ada pihak pendakwaan berjaya membuktikan kes melampaui keraguan munasabah - Sama ada hakim bicara khilaf berkenaan isu milikan* D *dadah - Sama ada hakim bicara khilaf dalam mengguna pakai anggapan s. 37(da) Akta Dadah Berbahaya 1952 - Kegagalan pihak pendakwaan memanggil saksi - Sama ada penemuan hakim bertentangan dengan keterangan*

UNDANG-UNDANG JENAYAH: *Akta Dadah Berbahaya 1952 -* E *Seksyen 39B - Pengedaran - Mengedar 935 gram kanabis - Rayuan terhadap sabitan dan hukuman*

Bertindak atas maklumat daripada orang awam, SP2 bersama sepasukan anggota polis telah membuat pemerhatian ke atas F sebuah rumah kedai. Apabila seorang lelaki ('perayu') turun ke tingkat bawah dan membuka mangga pintu gril, SP2 dan pasukannya segera bertindak dan menahan perayu. Pemeriksaan badan dijalankan dan tiada apa-apa barang salah yang dijumpai kecuali serangkai anak kunci. Apabila ditanya sama ada perayu ada G menyimpan apa-apa barang salah, perayu memberitahu 'ada disimpan di dalam bilik'. Perayu membawa pasukan polis tersebut ke tingkat atas rumah dan menunjukkan biliknya. Seorang lelaki yang bernama Nasir bin Usman dijumpai di dalam bilik tersebut. Perayu seterusnya menunjukkan kepada SP2 satu bungkusan yang H dibalut dengan keratan kertas akhbar. Barang kes tersebut merupakan satu ketulan mampat bahan tumbuhan yang kemudiannya disahkan oleh laporan kimia sebagai 935 gram kanabis. Kedua-dua perayu dan Nasir ditangkap. Pada asalnya, Nasir bin Usman dituduh bersama-sama perayu tetapi tuduhan I terhadap Nasir bin Usman ditarik balik oleh pihak pendakwaan.

Dalam pembelaannya, perayu menghujahkan bahawa dadah yang dijumpai di dalam bilik tersebut bukan miliknya dan bahawa almari tempat dadah tersebut dijumpai tidak digunakan olehnya tetapi ia digunakan oleh Maimun dan Hendry iaitu dua orang lagi yang tinggal bersamanya dalam bilik tersebut. Di akhir kes pendakwaan, perayu disabitkan dan dijatuhkan hukuman mati oleh Mahkamah Tinggi di bawah s. 39B(1) Akta Dadah Berbahaya 1952 ('Akta') bagi kesalahan mengedar 935 gram kanabis. Dia merayu ke mahkamah ini terhadap keputusan tersebut. Dalam rayuannya, perayu membangkitkan: (i) kekhilafan hakim bicara berkenaan isu milikan dadah; (ii) kekhilafan hakim bicara dalam mengguna pakai anggapan di bawah s. 37(da) Akta; (iii) kegagalan pihak pendakwaan memanggil saksi Nasir bin Usman dan kekhilafan hakim bicara dalam menerima keterangan percakapan siasatan Nasir bin Usman ('eks. P32'); dan (iv) kekhilafan dalam penemuan hakim bicara mengenai Maimun dan Hendry.

Diputuskan (membenarkan rayuan dan mengenepikan sabitan dan hukuman mati terhadap perayu)
Oleh Balia Yusof Wahi HMR menyampaikan penghakiman mahkamah:

(1) Hakim bicara terkhilaf dalam memutuskan bahawa perayu mempunyai kawalan dan jagaan sepenuhnya ke atas bilik tersebut. Hujahan bahawa hanya perayu sahaja yang mempunyai akses dan kawalan ke atas bilik berkenaan telah dipatahkan dengan kewujudan Nasir bin Usman di dalam bilik tersebut ketika dadah dijumpai. Tambahan pula, dadah tersebut dijumpai di tempat yang terbuka dan jelas kelihatan kepada sesiapa yang berada di dalam bilik tersebut. Dengan hanya sebagai penyewa bilik tersebut dan terjumpanya barang-barang lain milik perayu di dalam bilik tersebut tidak memadai bagi membuktikan bahawa hanya perayu sahaja yang berhak dan mempunyai kawalan mutlak ke atas bilik dan barang-barang yang dijumpai di dalamnya. Keterangan ini tidak cukup untuk menyabitkan perayu atas dasar perayu mempunyai jagaan dan kawalan eksklusif ke atas bilik berkenaan. (perenggan 16)

(2) Dapatan hakim bicara mengenai terbuktinya suatu perbuatan pengedaran merupakan suatu kekhilafan. Tanpa terlebih dahulu membuktikan milikan, anggapan di bawah s. 37(da) Akta mengenai berat dadah yang dijumpai bagi pertuduhan pengedaran dadah tidak terpakai. (perenggan 19)

(3) Usaha yang dilakukan oleh pihak pendakwaan untuk mengesan penama Nasir bin Usman tersebut adalah tidak mencukupi dan kehendak peruntukan di s. 32(1) Akta Keterangan 1950 telah tidak dipatuhi secukupnya. Ekshibit P32 tidak boleh diterima dan tidak mempunyai sebarang nilai probatif. Kekhilafan ini merupakan suatu 'misdirection' dan menjustifikasikan mahkamah dalam bidang kuasa rayuannya untuk campur tangan dan memperbetulkannya. (perenggan 24)

(4) Berdasarkan keterangan yang dikemukakan, penama Maimun yang ditimbulkan oleh perayu adalah jelas dan terbukti bukan merupakan 'afterthought' oleh perayu. Penemuan hakim bicara tentang Maimun dan Hendry sebagai 'afterthought' adalah bertentangan dengan keterangan yang dikemukakan di mahkamah. (perenggan 28 & 29)

***English** Translation Of Headnotes*

Acting upon information from the public, SP2 and a team of police party made an observation on a shophouse. When a man ('the appellant') went down to the ground floor and unlocked the grille, SP2 and his team acted and arrested the appellant. A body search that was carried out did not reveal anything incriminating but a bunch of keys was recovered. When asked whether the appellant kept anything incriminating, the appellant told 'ada disimpan di dalam bilik'. The appellant led the police force to the second level of the house and showed them his room. A man named Nasir bin Usman was found in the room. Next, SP2 was shown a package wrapped in newspaper. The exhibit was a slab of plant material which was later confirmed by a chemical analysis as 935 grams of cannabis. Both the appellant and Nasir were arrested. Initially, Nasir bin Usman and the appellant were jointly charged but the charge against the former was later withdrawn by the prosecution. In his defence, the appellant argued that the drugs found in the room were not his and that the cupboard where the drug was found was not used by him but by Maimun and Hendry, two others who resided with him in the room. At the end of the prosecution's case, the appellant was convicted and sentenced to death by the High Court pursuant to s. 39B(1) of the Dangerous Drugs Act 1952 ('the Act') for trafficking in 935 grams of cannabis. He appealed to this court against the decision. In his appeal, the appellant raised: (i) the error of the trial judge in

relation to the issue of possession of the drug, (ii) the error of the trial judge in invoking the presumption under s. 37(da) of the Act, (iii) the failure of the prosecution to call witness Nasir bin Usman and the error of the trial judge in accepting the evidence of Nasir bin Usman's inquiry ('exh P32'), and (iv) the erroneous findings of the trial judge relating Maimun and Hendry.

Held (allowing appeal and setting aside conviction and death sentence of appellant)
Per Balia Yusof Wahi JCA delivering the judgment of the court:

(1) The trial judge erred in deciding that the appellant had full control and custody of the room. The argument that the appellant was the only person with access and control of the room was rebutted by the presence of Nasir bin Usman in the room when the drugs were found. Furthermore, the drug was found in an open space and visible to anyone who was in the room. Being a tenant and the discovery of other items belonging to the appellant in the room was not sufficient in proving that only the appellant had the right and absolute control over the room and the items found therein. This evidence was insufficient in order to convict the appellant on the basis that the appellant had exclusive custody and control over the room.

(2) The findings of the trial judge, that an act of trafficking was proven, was erroneous. Without first proving possession, the presumption under s. 37(da) regarding the weight of the drugs found for the charge of drug trafficking was not applicable.

(3) The efforts to track Nasir bin Usman which was carried out by the prosecution was not sufficient and the requirement of s. 32(1) of the Evidence Act 1950 had not been fully complied with. Exhibit P32 was inadmissible and had no probative value. The error was a 'misdirection' and it justified the court in its appellate jurisdiction to intervene and rectify the same.

(4) Based on the evidence, the issue of the person named Maimun, who was raised by the appellant was evident and proven not to be an 'afterthought' by the appellant. The judge's finding in relation to Maimun and Hendry as an 'afterthought' contradicted the evidence before court.

Kes-kes yang dirujuk:
PP v. Chow Kam Meng [2001] 7 CLJ 387 HC ***(dirujuk)***
PP v. Lam Peng Hua & Anor [1996] 3 CLJ 747 HC ***(dirujuk)***
PP v. Lee Jun Ho & Ors [2009] 4 CLJ 90 HC ***(dirujuk)***
PP v. Lin Lian Chen [1992] 4 CLJ 2086; [1992] 1 CLJ (Rep) 285 SC ***(dirujuk)***
PP v. Mogan Ayavoo [2004] 3 CLJ 623 HC ***(dirujuk)***
PP v. Resty Agpalo & Ors [2011] 2 CLJ 441 HC ***(dirujuk)***
Yeap Boon Hai v. PP [2010] 2 CLJ 405 FC ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:
Criminal Procedure Code, s. 112
Dangerous Drugs Act 1952, ss. 37(da), 39B(1)
Evidence Act 1950, ss. 32(1), 114(g)

Bagi pihak perayu - Norah Abu Bakar; T/n Azmi Norah & Assocs
Bagi pihak responden - Yusaini Amer TPR

[Rayuan dari Mahkamah Tinggi, Johor Bahru; Perbicaraan Jenayah No: 45-7-2011]

Dilaporkan oleh Najib Tamby

PENGHAKIMAN

Balia Yusof Wahi HMR:

[1] Perayu telah dituduh di bawah s. 39B(1) Akta Dadah Berbahaya 1952 (Akta) bagi pengedaran sejumlah 935 gram cannabis di Mahkamah Tinggi Johor Bahru. Beliau telah didapati bersalah dan telah dijatuhkan hukuman mati mandatori. Beliau kini merayu kepada Mahkamah Rayuan terhadap sabitan dan hukuman yang dikenakan.

Fakta Kes

[2] Bertindak atas maklumat daripada orang awam, pada 30 Mac 2006 lebih kurang jam 4 petang SP2 bersama tujuh lagi anggota pasukan dalam dua kumpulan telah membuat pemerhatian terhadap tingkat atas sebuah rumah kedai di alamat No. 165A, Jalan Tanjong, Masai, Johor.

[3] Pada jam lebih kurang 4.30 petang, SP2 melihat seorang lelaki turun ke tingkat bawah dan membuka mangga pintu gril. SP2 bersama tiga anggota pasukan beliau telah pergi menghampiri lelaki

A tersebut, yang kemudiannya dicamkan sebagai perayu. SP2 memperkenalkan diri sebagai pegawai polis sambil menunjukkan kad kuasanya kepada perayu. Pada waktu itu perayu terus meronta-ronta untuk melarikan diri serta berlaku satu pergelutan. Perayu akhirnya berjaya ditahan. Pemeriksaan badan perayu tidak
B menjumpai apa-apa barang salah. SP2 juga tidak menjumpai sebarang dokumen pengenalan diri perayu pada masa itu. Bila ditanya oleh SP2, perayu mengakui nama beliau 'Yusuf' dan apabila ditanya sama ada menyimpan apa-apa barang salah, perayu dalam keadaan ketakutan menjawab "Ada disimpan di dalam bilik".
C Pada masa yang sama perayu dilihat terkencing di dalam seluarnya. SP2 kemudiannya telah menjumpai dan merampas serangkai anak kunci daripada dalam poket seluar yang dipakai oleh perayu.

[4] Perayu kemudiannya telah membawa pasukan polis ke tingkat
D atas rumah kedai tersebut dan telah menunjukkan bilik tempat dia tinggal. Pintu bilik tersebut tidak berkunci walaupun ditutup rapat. Apabila pintu bilik tersebut dibuka oleh perayu, SP2 melihat ada seorang lelaki sedang berbaring di atas tilam di atas lantai bilik itu. Pemeriksaan ke atas badan lelaki itu tidak menjumpai sebarang
E barang salah. Lelaki itu kemudiannya dikenali sebagai Nasir bin Usman, yang juga merupakan seorang warganegara Indonesia.

[5] Semasa SP2 dan anggota pasukan menjalankan pemeriksaan di dalam bilik tersebut, perayu telah menunjukkan kepada SP2 satu bungkusan berbalut dengan keratan kertas akhbar. SP2 telah
F mengambil bungkusan tersebut dan membukanya di hadapan perayu dan Nasir bin Usman. Kemudiannya perayu dan Nasir bin Usman ditangkap.

[6] Saksi SP2 juga kemudiannya menemui sehelai seluar jeans
G jenama 'Levis' yang tergantung di belakang pintu bilik tersebut. Di dalam poket seluar jeans itu, SP2 telah menjumpai satu kad UNHCR atas nama 'Muhd Yusuf bin Bukhari'. Pemeriksaan dalam laci almari kayu di mana barang kes dadah ditemui, SP2 menjumpai satu keping gambar berukuran pasport milik perayu.

H

[7] Barang kes yang merupakan satu ketulan mampat bahan tumbuhan disyaki ganja telah dihantar ke Jabatan Kimia Malaysia untuk dianalisa. Ahli Kimia, SP6 mengesahkan ketulan mampat tersebut merupakan dadah cannabis seberat 935 gram. Satu
I laporan kimia telah disediakan oleh SP6 seperti eks. P23.

[8] Saksi SP4 dalam keterangannya menyatakan rumah No. 165A, Jalan Tanjong, Masai, Johor adalah kepunyaan kawannya yang bernama 'Hui Zheng'. Saksi telah diminta oleh kawannya yang tinggal di Kuala Lumpur untuk menguruskan rumah tersebut iaitu untuk menyewakan dan mengutip sewa rumah tersebut. Rumah itu mempunyai empat buah bilik dan pada tahun 2006 hanya sebuah bilik sahaja yang telah disewakan iaitu kepada perayu dengan kadar sewaan RM250 sebulan. SP4 telah serahkan sebatang anak kunci mangga gril kepada perayu dan setiap bulan beliau pergi berjumpa dengan perayu di rumah itu untuk mengutip sewa. SP4 tidak tahu berapa orang tinggal di bilik sewaan perayu tersebut.

Kes Pembelaan

[9] Di akhir kes pihak pendakwaan, hakim bicara telah mendapati satu kes *prima facie* telah dibuktikan oleh pihak pendakwaan dan perayu telah dipanggil untuk membela diri.

[10] Perayu telah memberi keterangan secara bersumpah dan telah menyatakan seperti berikut:

> Beliau tinggal di rumah sewa tersebut selama tiga bulan sebelum ditangkap. Beliau mengambil alih menyewa rumah itu daripada seorang bernama Murdani. Beliau tinggal di bilik itu bersama dengan dua orang lain bernama Maimun dan Hendry. Sebuah bilik lain di tingkat atas dihuni oleh orang Indonesia tetapi beliau tidak tahu nama penyewa tersebut.
>
> Maimun yang mula tinggal di bilik itu sebelum beliau, dan wang sewa dibayar oleh Maimun, Hendry dan beliau sendiri.
>
> Beliau bekerja menjual jamu di Pontian. Maimun dan Hendry juga bekerja menjual jamu. Beliau mendapat bekalan jamu daripada Nasir bin Usman yang mengambil bekalan jamu dari Kuala Lumpur. Nasir bin Usman akan datang dan simpan jamu di bilik sewa beliau sebelum dibahagi-bahagikan. Nasir bin Usman akan simpan jamu tersebut di dalam almari kayu dalam bilik sewa beliau dan tidak menyimpan jamu di rumah tempat tinggalnya.

A Pada hari kejadian beliau berada di luar kedai di tingkat bawah, datang dua lelaki terus memeluk beliau dan terus digari. Selepas digari baru dua orang itu mengenalkan diri sebagai polis. Beliau kemudian terus terkencing. Anggota polis tanya mana bilik dan beliau terus bawa mereka ke tingkat atas dan
B masuk ke bilik sewa beliau. Masa itu kawan beliau Nasir bin Usman ada berbaring dalam bilik tersebut. Beliau menafikan ada beritahu polis yang beliau ada simpan dadah dalam bilik itu.

C Beliau tinggal di bilik itu bersama Maimun dan Hendry. Semua mereka termasuk Nasir bin Usman ada memiliki kunci bilik beliau. Hari itu bila beliau balik, Nasir bin Usman telah sampai dulu. Nasir bin Usman bawa jamu dalam kotak. Beliau ada beri maklumat tentang Maimun dan Hendry termasuk nombor
D telefon mereka sekarang. Beliau bayar sewa sekali saja dan sewa bilik bagi bulan lain dibayar oleh Maimun dan Hendry.

Dadah yang dijumpai di dalam bilik tersebut bukan milik beliau dan beliau tidak tahu dadah itu milik siapa. Beliau tidak gunakan almari tempat dadah dijumpai tapi almari itu digunakan
E oleh Maimun dan Hendry.

[11] Hakim bicara telah mendapati perayu telah gagal untuk menimbulkan sebarang keraguan yang munasabah ke atas kes pendakwaan dan juga mendapati perayu telah gagal untuk
F mematahkan anggapan statutori di bawah s. 37(da) Akta. Perayu telah disabitkan dengan pertuduhan yang dikenakan dan didapati bersalah. Perayu telah dijatuhkan hukuman mati mandatori.

Rayuan

G

[12] Di hadapan kami, perayu telah mengemukakan beberapa alasan bagi menyokong rayuannya. Alasan-alasan yang dinyatakan di dalam petisyen rayuan boleh dibahagikan kepada tiga perkara utama seperti berikut:

H (a) Kekhilafan hakim bicara mengenai isu milikan dadah berkenaan;

(b) Kegagalan pihak pendakwaan memanggil saksi Nasir bin Usman dan kekhilafan hakim bicara dalam menerima keterangan melalui eks. P32;

I

(c) Salah penemuan oleh hakim bicara mengenai penama Maimun dan Hendry.

Isu Milikan

[13] Peguamcara perayu yang bijaksana telah menghujahkan di hadapan kami bahawa hakim bicara yang bijaksana telah terkhilaf di dalam memutuskan bahawa perayu mempunyai milikan ke atas dadah yang dijumpai di dalam rumah tersebut. Seterusnya peguam yang bijaksana juga menghujahkan permakaian anggapan di bawah s. 37(da) Akta adalah salah.

[14] Setelah diamati keseluruhan keterangan yang dikemukakan, kami mendapati bahawa keterangan yang dikemukakan oleh pihak pendakwaan sendiri jelas menunjukkan bahawa bilik di mana dadah tersebut dijumpai adalah dihuni oleh perayu dan seorang lagi bernama Nasir bin Usman. Pada ketika penemuan dadah tersebut, Nasir bin Usman sedang berbaring di dalam bilik berkenaan. Dadah tersebut telah dijumpai terletak di tempat terbuka pada almari di bilik berkenaan dan tidak tersorok. Gambar tempat dadah tersebut dijumpai yang bertanda X pada gambar eks. P6F di ms. 113 rekod rayuan jelas menunjukkan keadaan yang disebutkan. Almari yang dimaksudkan adalah merupakan 'open shelf' atau rak menyimpan barang dan tidak mempunyai penutup. Sesiapa sahaja akan dapat melihat dan mengetahui bungkusan yang diletakkan di tempat bertanda X tersebut.

[15] Pada perenggan 25 penghakiman hakim bicara seperti yang terkandung di ms. 87 hingga 89 rekod rayuan, hakim bicara telah mendapati kes *prima facie* terhadap perayu dengan bersandarkan kepada fakta-fakta bahawa:

(a) Perayu yang menghubungi SP4 untuk menyewa bilik tersebut dan membayar sewa kepadanya;

(b) Semasa kutip sewa SP4 tidak nampak sesiapa lain di rumah tersebut;

(c) Bilik itu sempit dan ada satu katil sahaja;

(d) Terdapat sekeping gambar dan kad UNHCR milikan perayu di dalam bilik tersebut;

(e) Jeans dalam bilik tersebut bersesuaian dengan perayu;

A (f) Kenyataan Nasir bin Usman yang dirakam di bawah s. 112 Kanun Tatacara Jenayah yang menyatakan beliau hanya menumpang mandi di rumah tersebut diterima oleh mahkamah. Ini tidak menyebabkan perayu hilang kawalan dan jagaan ke atas bilik tersebut serta barang-barang yang terdapat dalam
B bilik tersebut.

[16] Pada pendapat kami, penemuan oleh hakim bicara ini adalah khilaf. Kami berpendapat perayu tidak boleh dikatakan mempunyai kawalan dan jagaan sepenuhnya ke atas bilik tersebut. Kewujudan
C Nasir bin Usman di dalam bilik tersebut semasa dadah tersebut dijumpai telah mematahkan hujahan bahawa hanya perayu sahaja yang mempunyai akses dan kawalan ke atas bilik berkenaan. Tambahan pula dadah tersebut dijumpai di tempat yang terbuka dan jelas kelihatan kepada sesiapa sahaja yang berada di dalam
D bilik tersebut. Dengan hanya sebagai penyewa bilik tersebut dan terjumpanya lain-lain barang kepunyaan perayu di dalam bilik berkenaan seperti yang dihuraikan di atas adalah tidak memadai bagi membuktikan bahawa hanya perayu ini sahaja yang berhak dan mempunyai kawalan mutlak ke atas bilik tersebut dan apa-apa
E barang yang dijumpai di dalamnya. Kami berpendapat keterangan seumpama ini adalah tidak mencukupi untuk mensabitkan perayu atas dasar bahawa perayu mempunyai jagaan dan kawalan eksklusif ke atas bilik berkenaan.

F **[17]** Hakim bicara juga berpendapat kelakuan perayu dalam keadaan ketakutan dan terkencing di dalam seluarnya menunjukkan kelakuan yang konsisten bagi menunjukkan pengetahuan ke atas dadah yang dijumpai. Sayugia juga diingatkan bahawa bukan sahaja perayu yang kelihatan ketakutan bahkan Nasir bin Usman yang
G berada di dalam bilik tersebut pada ketika itu juga kelihatan dalam keadaan terkejut dan ketakutan seperti yang diterangkan oleh SP2 yang mengetuai serbuan pada hari tersebut. Jika sedemikian keadaannya, tidakkah inferens yang sama juga boleh diberi ke atas penama Nasir bin Usman tersebut?

H **[18]** Pada pandangan kami pada keseluruhannya keterangan seperti ini adalah tidak memadai untuk mengatakan perayu mempunyai pengetahuan dan seterusnya milikan ke atas dadah yang dijumpai.

I

[19] Tanpa terlebih dahulu dibuktikan milikan, anggapan di bawah s. 37(da) mengenai berat dadah yang dijumpai bagi pertuduhan pengedaran adalah tidak terpakai. Oleh yang demikian dapatan hakim bicara mengenai terbuktinya suatu perbuatan pengedaran adalah merupakan suatu kekhilafan.

A

B

Ekshibit P32 Dan Kegagalan Pihak Pendakwa Memanggil Nasir Usman

[20] Hakim bicara yang bijaksana telah menerima sebagai keterangan eks. P32 yang merupakan percakapan siasatan Nasir bin Usman yang telah direkodkan oleh SP8 di bawah s. 112 Kanun Tatacara Jenayah. Peguamcara perayu menghujahkan bahawa kegagalan pihak pendakwaan untuk memanggil Nasir bin Usman adalah merupakan kegagalan yang 'fatal' dan seharusnya peruntukan s. 114(g) Akta Keterangan 1950 diterima pakai.

C

D

[21] Seperti yang telah dijelaskan sebelum ini, hakim bicara telah memutuskan bahawa kehadiran Nasir bin Usman semasa serbuan tidak menyebabkan perayu hilang kawalan dan jagaan terhadap bilik sewaan serta barang yang terdapat di dalam bilik tersebut oleh kerana Nasir bin Usman secara kebetulan datang ke situ untuk menumpang mandi. Keterangan ini telah dikemukakan oleh pihak pendakwaan melalui eks. P32.

E

[22] Ekshibit P32 telah diterima masuk oleh mahkamah setelah SP7 memberi keterangan bahawa beliau ada membuat usaha untuk mengesan Nasir bin Usman. Beliau menyatakan ada mengeluarkan notis dalam akhbar Melayu, Cina dan Tamil. Notis tidak keluar walaupun dihantar ke Bukit Aman. Akhbar Melayu tidak mengeluarkan iklan, hanya keluar di akhbar Cina sahaja. Iklan tidak disiarkan sebab tidak ada ruangan untuk dimasukkan. Iklan hanya keluar dalam surat khabar Cina, Nanyang Siang Pau dan Sin Chiew Daily, eks. P27 A & B. (ms 137-140 rekod rayuan). Pada hemat kami, pengiklanan di dalam eks. P27 A&B tersebut adalah tidak bermakna dan sia-sia belaka. Setidak-tidaknya pengiklanan itu adalah lebih wajar dan bermakna jika disiarkan di akhbar berbahasa Melayu.

F

G

H

[23] Ekshibit P32 telah dirakamkan oleh SP8 pada 13 April 2006, hari penama tersebut dibebaskan oleh pihak polis tanpa sebarang syarat atau jaminan. Penama Nasir bin Usman ini telah terdahulunya dituduh bersama-sama perayu tetapi tuduhan terhadapnya telah ditarik balik oleh pihak pendakwaan. Pihak

I

pembelaan telah membantah kemasukan eks. P32 tersebut. Walau bagaimanapun hakim bicara memutuskan bahawa percakapan tersebut boleh diterima masuk di bawah s. 32 Akta Keterangan 1950.

[24] Kami telah meneliti rekod rayuan ini sepenuhnya, khususnya keterangan-keterangan SP7 dan SP8 dan berpendapat bahawa hakim bicara telah terkhilaf di dalam menerima masuk ekshibit P32 tersebut. Kami berpendapat usaha yang dilakukan oleh pihak pendakwaan untuk mengesan penama Nasir bin Usman tersebut adalah tidak mencukupi dan kehendak peruntukan di bawah s. 32(1) Akta Keterangan 1950 telah tidak dipatuhi secukupnya. (sila lihat: *PP v. Mogan Ayavoo* [2004] 3 CLJ 623, *PP v. Lam Peng Hua & Anor* [1996] 3 CLJ 747, *PP v. Resty Agpalo & Ors* [2011] 2 CLJ 411) dan *PP v. Lee Jun Ho & Ors* [2009] 4 CLJ 90).

[25] Kami ingin mengulangi apa yang dikatakan oleh Hakim Abdul Wahab Patail (pada ketika itu) di dalam kes *PP v. Chow Kam Meng* [2001] 7 CLJ 387 pada ms. 398;

> ... In a trial involving a possible death penalty, a more serious effort is warranted.

[26] Pengamatan kami menunjukkan hakim bicara telah banyak bergantung kepada eks. P32 di dalam memutuskan terdapatnya kes *prima facie* ke atas perayu. Kekhilafan ini adalah merupakan suatu 'misdirection' dan ianya menjustifikasikan kami di dalam bidang kuasa rayuan mahkamah ini untuk campur tangan dan membetulkannya. Ekshibit P32 tidak boleh diterima dan tidak mempunyai sebarang nilai probatif.

[27] Kami bersetuju dengan hujahan peguam perayu dan memutuskan bahawa eks. P32 tersebut telah disalah terima oleh hakim bicara yang bijaksana.

Penemuan Hakim Bicara Mengenai Maimun Dan Hendry

[28] Hakim bicara yang bijaksana di dalam penghakimannya memutuskan bahawa keterangan perayu mengenai Maimun dan Hendry yang dikatakan tinggal bersama di dalam bilik di mana dadah tersebut dijumpai adalah merupakan suatu pemikiran terkemudian (after thought) kerana tidak pernah ditimbulkan oleh perayu semasa kes pendakwaan dan tiada soal balas dilakukan terhadap saksi pendakwaan. (*PP v. Lin Lian Chen* [1992] 4 CLJ 2086; [1992] 1 CLJ (Rep) 285, *Yeap Boon Hai v. PP* [2010] 2 CLJ 405).

[29] Peguamcara perayu menghujahkan di hadapan kami bahawa penemuan yang dibuat oleh hakim bicara berkenaan adalah salah dan bertentangan dengan keterangan yang dikemukakan. Kami bersetuju dengan pandangan dan hujahan peguam berkenaan. SP8 di dalam keterangannya ada menyatakan tentang wujudnya seorang perempuan Indonesia dan lelaki Indonesia yang tinggal di alamat yang sama tempat kejadian iaitu No. 165A, Jalan Tanjung, Masai yang merupakan sebuah rumah kedai. Dalam masa yang sama juga di dalam eks. P32, Nasir bin Usman ada menyebut tentang Maimun, kawan kepada perayu dan tuan punya dadah tersebut. Walaupun keterangan SP8 tidak menyatakan lelaki dan perempuan Indonesia tersebut bernama Maimun dan Hendry, hakikatnya ialah ada dua individu lain yang tinggal di alamat tersebut. Perayu menyatakan mereka-mereka ini ialah Maimun dan Hendry. SP4 pula dalam keterangannya menyatakan beliau tidak tahu berapa orang tinggal di dalam bilik yang disewa oleh perayu. Keterangan SP4 adalah neutral mengenai siapa-siapa yang tinggal di bilik berkenaan. Hakim bicara telah memilih untuk tidak mempercayai keterangan perayu mengenai Maimun dan Hendry. Namun begitu, adakah keterangan perayu ini langsung tidak munasabah? Perayu yang merupakan pendatang Indonesia tinggal bersama lain-lain rakannya dari Indonesia dan lazimnya, umum mengetahui bahawa mereka-mereka seperti perayu ini akan selalunya tinggal bersama-sama dengan rakan-rakan sekerja atau senegaranya. Dari keterangan yang dikemukakan setidak-tidaknya penama Maimun yang ditimbulkan oleh perayu adalah jelas dan terbukti bukan merupakan 'afterthought' oleh perayu. Kami mendapati penemuan hakim bicara tentang Maimun dan Hendry sebagai 'afterthought' adalah bertentangan dengan keterangan yang dikemukakan di mahkamah.

[30] Dengan mengambil kira segala perkara dan ketidaksempurnaan yang terdapat di dalam rayuan ini, kami sebulat suara memutuskan bahawa sabitan dan hukuman yang dikenakan ke atas perayu adalah tidak selamat dan amat sukar untuk dipertahankan. Rayuan ini adalah dibenarkan dan keputusan hakim bicara diketepikan. Perayu hendaklah dilepaskan dan dibebaskan.